



**PERJANJIAN
CUTI SABATIKAL**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

TERHAD

**PERJANJIAN CUTI SABATIKAL
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

PERJANJIAN ini adalah diperbuat padatahun..... dan sebagaimana dipersetujui di dalam surat tawaran bertarikh

DI ANTARA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, sebuah institusi pengajian tinggi awam di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, beralamat di 81310 UNIVERSITI Johor Bahru, Johor. (kemudian daripada ini disebut “**UNIVERSITI**”) sebagai pihak pertama;

DAN

[Nama]
No. Kad Pengenalan yang beralamat di (alamat tetap).....
(kemudian daripada ini disebut “**PEGAWAI**”) sebagai pihak kedua;

DAN

(Nama Penjamin I).....
No. Kad Pengenalan yang beralamat di (alamat tetap)

DENGAN

(Nama Penjamin II).....
No. Kad Pengenalan yang beralamat di (alamat tetap)

(kemudian daripada ini disebut “**PENJAMIN-PENJAMIN**”) sebagai pihak ketiga.

BAHAWASANYA:

- (A) **UNIVERSITI** telah bersetuju membiayai perbelanjaan cuti tersebut dan membayar kepada **PEGAWAI** itu dalam tempoh cuti sabbaticalnya, gaji serta berbagai elaun tertakluk kepada syarat-syarat dalam perjanjian ini;
- (B) **PEGAWAI** adalah seorang kakitangan **UNIVERSITI** yang telah diluluskan Cuti Sabbatical tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam Surat Kelulusan/Tawaran Cuti Sabbatical sebagaimana **Jadual Pertama** kepada perjanjian ini.
- (C) **UNIVERSITI** telah bersetuju membiayai perbelanjaan cuti tersebut dan membayar kepada **PEGAWAI** itu dalam tempoh cuti sabbaticalnya, gaji serta berbagai elaun tertakluk kepada syarat-syarat dalam perjanjian ini;

TERHAD

- (D) **PENJAMIN-PENJAMIN** bersetuju menjamin segala kerugian yang mungkin ditanggung oleh **UNIVERSITI** disebabkan keingkaran **PEGAWAI** itu dalam keadaan-keadaan yang tersebut di sini.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIPERSAKSIKAN seperti berikut:

1. **PEGAWAI** dengan ini bersetuju dan berjanji:
 - (a) bahawa ia akan memasuki dan dengan sesungguhnya menjalani program cuti sabbatical yang dikehendaki oleh **UNIVERSITI** dan yang butir-butirnya ada dinyatakan dalam Surat Kelulusan Cuti Sabbatical dan bahawa ia akan menyempurnakan dan menamatkan program cuti sabbatical yang tersebut itu dalam masa yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam Surat kelulusan Cuti Sabbatical atau dalam sesuatu masa yang lebih lama sebagaimana yang diluluskan oleh **UNIVERSITI** ;
 - (b) bahawa, pada sepanjang tempoh cuti sabbatical itu, ia tidak akan mengambil bahagian dalam apa-apa juga kegiatan samada secara langsung atau tidak langsung yang difikirkan oleh **UNIVERSITI** tidak berfaedah kepada **PEGAWAI** atau **UNIVERSITI** atau Negara;
 - (c) bahawa, jika ia berada di luar Malaysia ia hendaklah kembali serta merta setelah menamatkan program cuti sabbikalnya;
 - (d) bahawa, bagi maksud program cuti sabbatical, ia akan bercuti sabbatical di suatu tempat samada di Malaysia atau di mana-mana negeri lain sebagaimana yang telah ditetapkan ataupun seperti diarah oleh **UNIVERSITI** dari semasa ke semasa, dan bahawa ia akan menurut apa-apa peraturan dan tata tertib sebagaimana yang berkuatkuasa, dari semasa ke semasa, di mana-mana institusi lain yang dikehendaki menghadiri dalam masa tempoh program cuti sabbatical itu atau yang di bawah arahnya program cuti sabbatical itu atau mana-mana bahagiannya dijalankan;
 - (e) akan berkhidmat dengan **UNIVERSITI** selama **SATU (1) TAHUN** bagi Cuti Sabbatical yang diluluskan dari **3 hingga 5 bulan**;

ATAU

TERHAD

akan berkhidmat dengan **UNIVERSITI** selama **DUA (2) TAHUN** bagi Cuti Sabatikal yang diluluskan dari **sehingga 9 bulan**;

bermula dari tarikh ia melaporkan diri bertugas selepas sepenuhnya program cuti sabatikal itu. Jika **PEGAWAI** pada masa membuat perjanjian ini adalah terikat untuk berkhidmat dengan **UNIVERSITI** oleh kerana sebarang perjanjian yang terdahulu, samada di antaranya dengan **UNIVERSITI** atau orang atau badan lain, tempoh perkhidmatan yang dikehendaki dijalani olehnya di bawah perjanjian ini akan bermula hanya selepas tamatnya tempoh perkhidmatan di bawah perjanjian terdahulu.

- (f) mematuhi segala arahan-arahan yang disampaikan kepadanya oleh **UNIVERSITI** dari semasa ke semasa;
 - (g) bahawa **PEGAWAI** bersetuju sekiranya dituntut sejumlah gantirugi ke atas **PEGAWAI** oleh **UNIVERSITI** atas kegagalan mematuhi mana-mana terma dan syarat kepada Perjanjian ini, **PEGAWAI** dengan suci hati dan tanpa paksaan bersetuju untuk membayar balik sejumlah wang gantirugi tersebut melalui pemotongan gaji secara bulanan keseluruhan jumlah ganti rugi yang telah dipersetujui.
2. **UNIVERSITI** dengan ini juga memberi **PEGAWAI** itu cuti sabatikal mengikut syarat-syarat yang terkandung dalam Surat Kelulusan Cuti Sabatikal kepada perjanjian ini dengan syarat bahawa semua cuti rehat yang terkumpul yang **PEGAWAI** itu layak menerima sehingga **PEGAWAI** mengambil cuti sabatikal adalah dianggap sebagai telah luput. Walau bagaimanapun, **PEGAWAI** yang diberi cuti sabatikal selepas genap perkhidmatan 5 tahun dan mengikuti program cuti sabatikal selama 9 bulan sepenuhnya di luar negeri boleh diluluskan cuti tanpa rekod selama tidak lebih dari 14 (empat belas) hari mulai dari tarikh melaporkan diri.
3. **ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIISYTIHARKAN BAHAWA** sekiranya pada bila-bila masa salah seorang dari **PENJAMIN-PENJAMIN** mati, atau tidak lagi tinggal di Malaysia, atau tinggal di luar Malaysia selama lebih daripada 12 (dua belas) bulan berturut-turut atau dihukumkan menjadi bengkrap atau menerima perintah pentadbiran pemakan gaji, **PENJAMIN** yang seorang lagi itu atau **PEGAWAI** bolehlah mendapat **PENJAMIN** lain yang diterima oleh **UNIVERSITI** dan yang sedia bersetuju menggantikan **PENJAMIN** yang mati, atau yang tidak tinggal lagi di Malaysia atau yang terus tinggal di luar Malaysia, atau dihukum bengkrap atau menerima arahan pentadbiran pemakan gaji itu. Sekiranya seorang **PENJAMIN** yang diterima oleh **UNIVERSITI** tidak didapati atau **PENJAMIN** itu enggan menandatangani perjanjian di mana dia bersetuju untuk mematuhi

TERHAD

syarat-syarat perjanjian ini berkenaan **PENJAMIN-PENJAMIN** maka **UNIVERSITI** bolehlah di atas pilihannya bila-bila masa selepas itu menamatkan perjanjian ini dan **PEGAWAI** tidak ada lagi apa-apa hak terhadap faedah-faedah kecuali di bawah perjanjian ini tambang perjalanan balik yang ditentukan oleh **UNIVERSITI**, tertakluk kepada syarat dan peraturan sepertimana yang dinyatakan dalam Surat Kelulusan Cuti Sabatikal.

4. Adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa jika dalam tempoh cuti sabatikal yang disebutkan dalam Surat kelulusan/ surat tawaran Cuti Sabatikal kepada perjanjian ini **UNIVERSITI** berpendapat bahawa **PEGAWAI** itu telah berkelakuan salahlaku atau cuai atau mengabaikan tujuan cuti sabatikalnya atau enggan mematuhi arahan-arahan yang disampaikan kepadanya atau tidak mencapai *Key Performance Indicator (KPI)* seperti yang tertulis di dalam surat Kelulusan/Tawaran Cuti Sabatikal, **UNIVERSITI** boleh menamatkan perjanjian ini dan dengan itu, tanpa menyentuh hak-hak **UNIVERSITI** di bawah perjanjian ini, **PEGAWAI** tidak ada apa-apa hak lagi untuk mendapat apa-apa faedah di bawah perjanjian ini.
5. Sebarang perubahan, pengubahsuaian, lanjutan kursus pengajian yang diluluskan oleh **UNIVERSITI** di atas permintaan **PEGAWAI** serta mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Universiti melalui surat menyurat serta sebarang kelulusan atau penolakan permintaan oleh pengurusan **UNIVERSITI** akan menjadi bahagian penting dalam Perjanjian ini dan perubahan, pengubahsuaian, lanjutan dan atau arahan sedemikian hendaklah dikawal selia sebagaimana terma dan syarat yang telah ditetapkan dalam perjanjian ini.
6. Selanjutnya, walaupun apa-apa peruntukan terkandung terkandung dalam Perjanjian ini, adalah dipersetujui dengan nyata dan diisytiharkan bahawa apabila berlaku sebarang Peristiwa Keingkaran, Universiti berhak untuk melaksanakan semua atau mana-mana remedi yang tersedia sama ada di dalam Perjanjian ini atau oleh undang-undang atau sebaliknya dan berhak untuk melaksanakan remedi sedemikian secara serentak.
7. **PENJAMIN-PENJAMIN** dan tiap-tiap seorang daripada mereka dengan ini secara bersama dan perseorangan berjanji dengan **UNIVERSITI** bahawa tiap-tiap dan arahan di bawah perjanjian ini akan semuanya dipatuhi oleh **PEGAWAI**.
8. Adalah diisytiharkan dan dipersetujui lagi bahawa jika **PEGAWAI**:
 - a. meninggalkan program cuti sabatikalnya sebelum sempurnanya dan tamatnya program itu tanpa persetujuan **UNIVERSITI**; atau
 - b. menyebabkan perjanjian ini ditamatkan mengikut Fasal 5 perjanjian ini; atau
 - c. dibuang dari **UNIVERSITI**, maktab atau institusi tempat menjalani cuti sabatikalnya atau

TERHAD

- d. tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan **UNIVERSITI** berhenti daripada atau meninggalkan perkhidmatan **UNIVERSITI** atau apa-apa pekerjaan lain yang telah diarahkan atau dipersetujui oleh **UNIVERSITI** di bawah perenggan (e) Fasal 1 perjanjian ini dalam masa tempoh yang disebutkan dalam perenggan itu, atau
- e. dibuang kerja daripada perkhidmatan **UNIVERSITI** kerana salahlaku, kecuaiian atau tidak mengindahkan kewajipan-kewajibannya dalam masa tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 1 (e) Perjanjian ini; atau
- f. enggan, atau oleh kerana salahlakunya sendiri menjadikan dirinya tidak sesuai berkhidmat atau terus berkhidmat dengan pekerjaan tersebut selama masa tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 1 (e) perjanjian ini; atau
- g. telah melakukan pelanggaran yang menyebabkan perjanjian ini ditamatkan oleh **UNIVERSITI** di bawah mana-mana terma dan syarat kepada perjanjian ini; atau

kegagalan **PEGAWAI** untuk mematuhi kepada mana-mana syarat-syarat di atas akan menjadi satu perbuatan salah laku yang akan menyebabkan **PEGAWAI** boleh dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan peruntukan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

9. Maka dalam tiap-tiap hal yang demikian **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** secara bersama dan perseorangan adalah bertanggungjawab bagi pihak diri mereka, waris-waris, wasi-wasi penerima-penerima pemberian hak mereka, membayar balik sejumlah wang gantirugi kepada **UNIVERSITI** apabila sahaja diminta wang sebanyak

- (a) **RM15,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Belas Ribu Sahaja)** termasuk Emolumen bagi kursus latihan yang tempohnya adalah **selama lebih 3 higgga 5 bulan** iaitu sama sebagaimana tempoh asal yang ditetapkan dalam Surat Tawaran Cuti Sabatikal;

Atau

- (b) **RM 30,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Sahaja)** termasuk Emolumen bagi kursus latihan yang tempohnya adalah **selama lebih 5 higgga 9 bulan** iaitu sama sebagaimana tempoh asal yang ditetapkan dalam Surat Tawaran Cuti Sabatikal;

10. Adalah diisytiharkan dan dipersetujui dengan nyata bahawa **PEGAWAI** bersetuju untuk membayar sejumlah wang dan/ atau membuat pemotongan gaji berdasarkan jumlah ganti rugi yang telah dipersetujui sebagaimana **Jadual Kedua** kepada Perjanjian ini.
11. Adalah diisytiharkan dan dipersetujui dengan nyata bahawa walaupun apa-apa juga yang di atas yang bertentangan, **UNIVERSITI** boleh dengan memberi satu bulan notis dengan

TERHAD

bertulis kepada **PEGAWAI** membatalkan perjanjian ini dengan tidak payah memberi apa-apa sebab dan dengan demikian segala faedah atau tanggungan bagi **PEGAWAI** atau **PENJAMIN- PENJAMIN** di bawah perjanjian ini hendaklah terhenti melainkan jika pada masa itu **PEGAWAI** berada di luar negeri maka **UNIVERSITI** akan membayar tambang perjalanan balik ke Malaysia dengan udara mengikut kelas dan kadar tambang yang ditentukan oleh **UNIVERSITI** seolah-olah **PEGAWAI** itu telah tamat cuti sabbatikalnya tertakluk kepada syarat sepertimana yang dinyatakan dalam Surat Kelulusan Cuti Sabbatikal.

12. Adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa jika peruntukan-peruntukan perjanjian ini tidak bertentangan dengan Peraturan, Statut dan Akta **UNIVERSITI** maka perjanjian ini adalah juga tertakluk kepada Peraturan, Statut dan Akta **UNIVERSITI** yang berkuatkuasa.
13. Tiada kegagalan atau kelewatan di pihak **UNIVERSITI** untuk melaksanakan atau apa-apa peninggalan, kuasa atau remedi terhadap **PEGAWAI** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** oleh ditafsirkan sebagai penepian dan tidak juga mana-mana pelaksanaan separa menghalang sebarang pelaksanaan selanjutnya, atau hak, kuasa atau remedi yang lain. Hak dan remedi yang disediakan di sini adalah terkumpul dan tidak eksklusif daripada mana-mana hak atau remedi lain yang disediakan oleh undang-undang.

TERHAD

PADA MENYAKSIKAN HAL-HAL TERSEBUT DI ATAS maka pihak-pihak yang tersebut dalam Perjanjian ini telah menurunkan di sini tandatangan mereka pada haribulan dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani oleh

..... }
Nama **WAKIL UNIVERSITI** yang }
diberikuasa } Tandatangan **WAKIL**
 } **UNIVERSITI** yang diberikuasa

Di hadapan

Nama Saksi..... }
Alamat }
..... }
..... }
Jawatan..... }
No.Kad Pengenalan..... } Tandatangan Saksi

Ditandatangani oleh

..... }
Nama **PEGAWAI** }
 } Tandatangan **PEGAWAI**

Di hadapan

Nama Saksi..... }
Alamat }
..... }
..... }
Jawatan..... }
No.Kad Pengenalan..... } Tandatangan Saksi

TERHAD

Ditandatangani oleh

..... }
Nama **PENJAMIN I**

.....
Tandatangan **PENJAMIN I**

Di hadapan

Nama Saksi..... }

Alamat }

..... }

..... }

Jawatan..... }

.....

No.Kad Pengenalan..... }

Tandatangan Saksi

Alamat Tetap..... }

..... }

Ditandatangani oleh

..... }
Nama **PENJAMIN II**

.....
Tandatangan **PENJAMIN II**

Di hadapan

Nama Saksi..... }

Alamat }

..... }

..... }

Jawatan..... }

.....

No.Kad Pengenalan..... }

Tandatangan Saksi

Alamat Tetap..... }

..... }

TERHAD

**JADUAL PERTAMA
(PARA B)**

Surat Kelulusan/ Surat Tawaran
Cuti Sabatikal

No. rujukan _____ bertarikh _____

JADUAL KEDUA
JUMLAH TUNTUTAN GANTIRUGI

PEGAWAI	TEMPOH IKATAN PERJANJIAN (TAHUN)	JUMLAH GANTIRUGI (RINGGIT MALAYSIA)	
		Dalam Negeri	Luar Negeri
A. Cuti Sabatikal 3 hingga 5 bulan	1	RM15,000	Kos Sebenar
B. Cuti Sabatikal 5 hingga 9 bulan	2	RM30,000	Kos Sebenar